

26/02/1999

Peluang bertemu juara F-1 dunia

Saufi Hamzah

PEMINAT perlumbaan Formula Satu (F-1) berpeluang menemui juara dunia, Mika Hakkinen (gambar), dalam sesi bertemu peminat yang dijangka diadakan di sebuah stesen minyak di Lebuhraya Kuala Lumpur-Seremban pada 9 Mac ini.

Pemandu pasukan West McLaren Mercedes itu yang berada di negara ini sempena pembukaan rasmi Litar Sepang, akan menandatangani autograf untuk peminat.

Hakkinen dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA), Sepang, pada 8 Mac sebaik selepas menyertai perlumbaan pertama Grand Prix F-1 Dunia di Australia pada 7 Mac ini.

Dia didatangkan khas oleh syarikat minyak yang menaja pasukan itu dan akan melawat Litar Sepang pada hari yang sama.

Pada sebelah malamnya, Hakkinen akan menghadiri majlis perasmian litar itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Hakkinen turut dijangka bersama-sama Michael Doohan menyampaikan cenderahati kepada Dr Mahathir dalam majlis berkenaan.

Pasukan West McLaren Mercedes meraih dua kejayaan tahun lalu ketika perlumbaan terakhir F-1 di Jepun apabila memenangi anugerah pengeluar dan Hakkinen muncul juara pemandu musim itu.

Hakkinen pasti berada di negara ini semula pada Oktober nanti bagi menyertai perlumbaan F-1 sulung di Litar Sepang.

Dia akan memandu kereta baru, iaitu McLaren MP4-14, yang sudah menjalani beberapa ujian di Eropah bersama-sama rakan sepasukan, David Coulthard dari Britain.

Ketika ujian di Barcelona, dia dilaporkan sebagai berkata dirinya semakin ghairah memburu gelaran keduanya selepas merangkul kejuaraan di Jepun, November lalu.

Dia menegaskan bahawa semangatnya sekarang lebih tinggi untuk memenangi gelaran dunia itu sekali lagi pada musim ini yang akan bermula dengan Grand Prix Australia pada 7 Mac.

November lalu, Hakkinen menjuarai Grand Prix Jepun serta memastikan gelaran F-1 pertama dalam kerjayanya selepas pencabar terdekat, Michael Schumacher, tersingkir apabila tayar belakang keretanya meletup.

Ia adalah hari gemilang untuk pelumba McLaren itu yang mendahului perlumbaan selepas 32 daripada 51 pusingan.

Hakkinen, 30, dari Helsinki adalah pelumba kedua dari Finland muncul juara 16 tahun selepas 'gurunya', Keke Rosberg, menjulang mahkota itu pada 1982 bersama pasukan Williams.

(END)